



SOLAT .... Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak menuaikan solat Jumaat bersama kira-kira 3,000 umat Islam di Masjid Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Solat tersebut diimamkan Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan, Pusat Islam UMS,

Razali Saibin manakala khutbah bertajuk 'Nikmat Islam' disampaikan Pengarah Pusat Islam UMS, Prof. Madya Dr. Muhamad Suhaimi.

Hadir sama, Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Musa Aman, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Panglima Abdul Rahman

Dahlan dan Naib Censelor UMS, Prof Dr. D Kamarudin D. Mudin.

Najib bersalaman dengan jemaah yang hadir sejurus tiba di Masjid UMS diiringi Prof. Madya Dr. Muhamad Suhaimi (dua kanan), Musa (tiga kanan) dan Prof Dr. D Kamarudin (empat kanan).

## Pendemokrasian pendidikan formula berkesan hapus jurang pembangunan: Najib

NST 3.3.2018 2

KOTA KINABALU: Pendemokrasian pendidikan merupakan formula berkesan untuk menghapuskan jurang pembangunan antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata, dalam pendemokrasian pendidikan, rakyat bukan sahaja mendapat peluang pendidikan tetapi apa yang penting, mendapat pendidikan berkualiti.

"Kalau kita ingin mengangkat martabat dan darjah sesebuah bangsa dan negara, ia mestilah melalui penguasaan pendidikan kerana bila kita ada ilmu, kita ada satu kekuatan yang lebih daripada orang lain, sebab kekuatan hakikinya bukan dari hujung senjata tetapi minda yang penuh dengan ilmu pengetahuan.

"Sebab itu bila kita sebut tentang usaha kita supaya Sabah dapat dibangunkan seimbang dengan Semenanjung, bila kita ingin menghapuskan apa yang dikatakan jurang pembangunan, maka titik tolaknya adalah dengan membangunkan sistem pendidikan di Sabah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap melancarkan Projek Pembangunan Hospital Pengajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Kompleks Dewan Kuliah Pusat UMS, di sini, kelmarin.

Turut hadir Ketua Menteri Tan Sri Musa Aman, Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Seri Dr

Salleh Said Keruak, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Mary Yap Kain Ching dan Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin.

Sehubungan itu Najib berkata, beliau amat memberikan perhatian kepada bidang pendidikan.

"Saya sebagai Menteri Kewangan telah umumkan dana berjumlah RM1 billion untuk Sabah dalam Bajet 2018, menggantikan sekolah-sekolah usang di luar bandar.

"Mengikuti laporan yang Menteri Pendidikan beri kepada saya, ketika ini sebanyak 120 sekolah baru sedang dibina di seluruh Sabah," katanya.

Beliau berkata, komitmennya sebagai Perdana Menteri ialah membangunkan Sabah ke tahap yang lebih maju bersama Ketua Menteri dan para pemimpin kerajaan pusat dan negeri.

"Kita sudah ada perancangan, kita bukan janji sesuatu yang tidak boleh ditunaikan. Hari ini kita telah laksanakan pelancaran projek pembangunan Hospital Pengajar UMS.

"Ini bukan masa untuk kita main politik, untuk janji-janji kosong, untuk menghasut kebencian di kalangan masyarakat tetapi ini masa kita membina negara Malaysia," katanya. -OLEH MARRYAN RAZAN